

Kutip dana RM1.8 juta kurang 36 jam

Masjid Ar-Ridzuan capai sasaran selamatkan tanah wakaf, kutipan ditutup

Oleh SAIFULLAH AHMAD
IPOH

Hasrat menyelamatkan tanah wakaf Masjid Jamek Ar-Ridzuan di sini membuatkan hasil apabila kutipan dana hampir RM2 juta dalam tempoh kurang daripada 36 jam.

Pengerusi masjid, Yusuf Majid berkata, sebanyak RM1,977,482.20 berjaya dikumpulkan setakat jam 8 malam pada Rabu, melebihi sasaran RM1.8 juta yang ditetapkan oleh pemilik tanah bagi urusan jual beli.

Menurutnya, berikutan kutipan mencukupi, pihaknya menutup secara rasmi sumbangan orang ramai pada jam 8.30 malam dan memaklumkan perkara itu kepada semua pihak terlibat termasuk badan bukan kerajaan (NGO) serta individu yang membantu menjayakan kutipan tersebut.

"Laporan mengenai penutupan

sumbangan seperti yang ditularkan itu benar," katanya kepada pemerita pada Rabu.

Yusuf berkata, pihaknya juga tidak menyangka kutipan dapat diselesaikan lebih awal daripada jangkaan dua minggu yang ditetapkan dalam pekeliling Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

Tambahnya, pengurusan masjid kini hanya menunggu arahan lanjut daripada JAIPk bagi proses seterusnya dalam nebusan semula tanah berkenaan.


Terdahulu, beberapa pempengaruh media sosial yang membantu telah mengumumkan dalam akaun media sosial masing-masing bahawa jumlah kutipan diperlukan oleh masjid berkenaan mencukupi, malah melebihi sasaran.

Sebelum ini media melaporkan bahawa tanah wakaf masjid berkenaan telah berpindah milik kepada seorang individu bukan Islam yang menetap di Kuala Lumpur tanpa pengetahuan pihak pengurusan masjid.

Pemilik tanah memberikan dua pilihan kepada pihak masjid iaitu membeli semula tanah tersebut atau merobohkan semua struktur sedia ada di atasnya.

Sementara itu, Pengarah JAIPk, Datuk Harith Fadzilah Abdul Halim berkata,

AJENYE
YE!



Usaha menyelamatkan tanah wakaf Masjid Jamek Ar-Ridzuan berjaya apabila dana yang dikutip melebihi sasaran RM1.8 juta dalam masa kurang 36 jam.

meskipun dana RM1.8 juta yang diperlukan oleh Masjid Jamek Ar-Ridzuan mencukupi, sumbangan Jumaat masjid-masjid seluruh Perak tetap diteruskan.

Bagaimanapun katanya, masjid-masjid berkenaan diberikan pilihan untuk menyerahkan sumbangan itu atau sebaliknya.

Menurutnya, keputusan tersebut dibuat selepas perbincangan bersama Yang Dipertua (YDP) Majlis Agama Islam dan

Adat Melayu Perak (MAIPk), Tan Sri Mohd Annuar Zaini.

"Hasil perbincangan YDP MAIPk dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid JAIPk telah memutuskan terpulang kepada masjid-masjid sama ada meneruskan kutipan atau pun tidak untuk Jumaat ini sahaja.

"Lebihan sumbangan itu boleh digunakan untuk pembangunan masjid," katanya.